

# PM hadiri sidang Liga Arab 28 Mac

Um- 22/3/2017

KUALA LUMPUR 21 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menghadiri Sidang Kemuncak Liga Arab yang akan berlangsung di Riyadh, Arab Saudi pada 28 Mac ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kehadiran Perdana Menteri itu adalah atas jemputan kerajaan Arab Saudi atas kapasiti Perdana Menteri selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Menurut beliau, jemputan itu juga mengambil kira peranan Malaysia dalam membantu negara-negara Islam menghadapi isu-isu tertentu ketika ini.

"Jemputan kerajaan Arab Saudi kepada Perdana Menteri bukan sahaja selaku Pengerusi OIC tetapi juga mengiktiraf Malaysia dalam membantu negara-negara Islam yang menghadapi masalah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas membentangkan kertas kerja *Senario Baru Iklim Politik Dan Ekonomi Dunia - Bagaimana Persediaan Generasi Muda* pada konvensyen Pemimpin Muda Kebangsaan di sini hari ini.

Syed Hamid berkata, apa jua cabaran yang berlaku di negara Asia Barat memberi kesan kepada negara Islam secara keseluruhannya.

Beliau menambah, peranan Malaysia dalam membantu negara-negara terbabit disambut baik dan diiktiraf sebagai antara negara yang banyak menyumbang kepada pembangunan Islam.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid memberitahu mesyuarat Kabinet hari ini turut membincangkan tentang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

Tegasnya, kerajaan akan memastikan sebarang persetujuan yang dicapai dalam perjanjian itu tidak menjejaskan kepentingan Malaysia.

Sebaliknya kata beliau, kedua-dua negara akan berunding bagi mewujudkan kerjasama dalam bidang-bidang tertentu yang memberi faedah bersama.